



## PEMAKLUMAN

### **PERUBAHAN KERANGKA MBOT APPROVED TRAINING PROVIDER (ATP) KEPADА PROFESSIONAL DEVELOPMENT CERTIFICATION (PDC)**

Bermula pada Julai 2025, MBOT telah menamatkan pendaftaran *MBOT Approved Training Provider (ATP)* dan akan digantikan dengan kerangka *Professional Development Certification (PDC)*. PDC akan memastikan semua program latihan yang diiktiraf oleh MBOT mematuhi piawaian yang lebih ketat, berfokuskan kualiti dan mempunyai sekurang-kurangnya 70% komponen teknologi dan teknikal.

Oleh yang demikian, semua penyedia latihan termasuk MBOT ATP yang berdaftar dijemput untuk mendapatkan pengiktirafan *Professional Development Certification (PDC)*. Pengiktirafan ini akan memastikan kredibiliti sesuatu program teknikal memandangkan ia telah melalui penilaian rapi dan kesesuaian teknikal.

Ahli-ahli professional MBOT digalakkan untuk mengikuti program yang telah menerima pengiktirafan PDC bagi mengumpul jam *Continuing Professional Development (CPD)*. Program-program PDC menawarkan jam CPD yang lebih tinggi dan mempunyai nilai tambah yang signifikan kepada pembangunan teknikal dan profesional ahli. Walau bagaimanapun, ahli profesional MBOT boleh mengumpul jam CPD dengan menyertai mana-mana aktiviti daripada 14 aktiviti yang dibenarkan seperti persidangan, simposium, mesyuarat teknikal, pelantikan panel penilai dan lain-lain.

Untuk membuat pendaftaran program PDC serta merujuk senarai penuh program yang telah diiktiraf, sila layari portal rasmi MBOT di: <https://www.mbot.org.my/certification/professional-development-certification>.

-TAMAT-

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) merupakan sebuah badan profesional yang memberikan pengiktirafan profesional kepada Teknologis dan Juruteknik dalam bidang teknologi dan teknikal. MBOT telah ditubuhkan di bawah Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 [Akta 768] untuk mengiktiraf dan membangunkan profesion teknologis dan juruteknik sebagai profesion ikhtisas.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)  
t.nabila@mbot.org.my  
+603-8800 6266